

Taylor's University kukuhkan kedudukan dalam QS Asia University Rankings 2025

MOHD HANAFIAH HASHIM 09 November 2024 10:17am **Masa membaca: 3 minit**



Dengan kedudukan yang semakin kukuh dalam QS Asia University Rankings, Taylor's University kini menjadi pemimpin dalam pendidikan tinggi di Asia, meneruskan tradisi kecemerlangan dan inovasi untuk masa depan.

Taylor's University terus mencipta nama dalam dunia pendidikan tinggi dengan pencapaian yang membanggakan dalam QS Asia University Rankings 2025.

Universiti berkenaan kini berada di kedudukan ke-36 terbaik di Asia dan telah berjaya mempertahankan status sebagai universiti swasta terbaik di Asia Tenggara selama empat tahun.

Kejayaan ini menekankan komitmen [Taylor's University](#) terhadap kecemerlangan akademik, pendidikan yang transformatif, dan inisiatif yang memberi impak sosial.

Pencapaian ini bukan sahaja bukti dedikasi Taylor's University dalam menyediakan pendidikan berkualiti tinggi, malah memperlihatkan peranan

universiti dalam memajukan inovasi, penglibatan pelajar, serta sumbangan terhadap masyarakat.

Pencapaian ini menandakan lonjakan signifikan dalam 11 indikator utama, dengan kemajuan cemerlang dalam reputasi akademik, jaringan penyelidikan antarabangsa, dan reputasi majikan. Universiti ini juga menunjukkan kemajuan ketara dalam nisbah pelajar antarabangsa, nisbah pensyarah kepada pelajar, sitasi per kertas, pelajar pertukaran masuk dan keluar, nisbah fakulti antarabangsa, kakitangan dengan PhD, serta jumlah kertas per fakulti.

Naib Canselor dan Presiden Taylor's University, Profesor Barry Winn, menekankan kepentingan pengiktirafan ini sebagai bukti pengaruh universiti yang semakin berkembang:

"Kedudukan ini mencerminkan dedikasi kami yang teguh terhadap pendidikan yang bermakna.

"Melalui budaya inovasi berterusan dalam pengajaran, penyelidikan dan kerjasama, kami mempersiapkan pelajar kami untuk membina masa depan penuh potensi," katanya.

Taylor's University kekal sebagai peneraju dalam pendidikan, memberdayakan pelajar untuk terlibat secara mendalam dalam inisiatif sosial dan alam sekitar yang memacu perubahan nyata.

Dalam setahun yang lalu sahaja, universiti ini telah mengintegrasikan 106 Projek Impak yang memberi kesan positif kepada kehidupan lebih daripada 3,100 individu.

Selain itu, Taylor's University mencatatkan kadar kebolehpasaran graduan yang luar biasa, iaitu 99.7 peratus, sebagaimana direkodkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2023, dengan graduan berjaya memasuki alam pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian mereka.

Justeru itu, Taylor's University terus komited untuk memimpin dalam pendidikan tinggi Asia melalui pendekatan inovatif dan projek-projek yang melibatkan pelajar secara aktif dalam menangani cabaran dunia sebenar.

Melalui ekosistem Taylor's University yang dikenali sebagai Taylor'sphere, universiti tersebut memperkasa pelajar dan pensyarah untuk mengetuai projek yang memberi impak besar kepada komuniti.

Taylor'sphere memainkan peranan penting dalam membantu pelajar membina kemahiran kritikal dan memupuk keupayaan kepimpinan.

Antara projek yang menonjol ialah [BugKwa](#), inisiatif oleh pelajar Culinology, Leonora Rumuat dan [Paplite Pro](#) yang diketuai oleh Profesor Dr. Chong Pei Pei dalam bidang Kesihatan Digital.



Eleonora Rumuat berkongsi kemajuan besar dalam menangani isu keselamatan makanan dan pengurusan sisa dengan menghasilkan protein serangga menggunakan larva lalat tentera hitam (Black Soldier Fly).

Kedua-dua projek ini membuktikan kesungguhan Taylor's University dalam menyokong individu yang bersemangat tinggi, sekali gus mengukuhkan reputasinya sebagai universiti swasta terbaik di Asia Tenggara.

BugKwa merupakan projek yang menjelajah bidang kulinari secara kreatif, memperlihatkan bagaimana bidang sains makanan dapat menghasilkan inovasi yang praktikal dan lestari dalam sektor makanan.

Manakala Paplite Pro pula memfokuskan kepada kesihatan digital adalah contoh bagaimana teknologi dapat memberi penyelesaian kepada isu kesihatan masyarakat, iaitu satu langkah penting dalam menyokong kesejahteraan global.



Profesor Dr. Chong Pei Pei (kiri) menerangkan perbezaan antara ujian Pap konvensional dan PapLite Pro di Makmal Realiti Terimbuh & Teknologi Masa Depan Maya Taylor (VORTEX XR).

Kedua-dua projek ini menunjukkan bagaimana Taylor's University bukan sahaja menghasilkan graduan yang berjaya secara akademik, malah melahirkan individu yang mampu memberikan sumbangan positif kepada masyarakat.

Kejayaan Taylor's University dalam ranking universiti Asia ini bukan sekadar angka, ia adalah pengiktirafan terhadap usaha berterusan universiti ini dalam memacu transformasi pendidikan yang menyeluruh.

Taylor's University bukan sahaja komited kepada akademik, tetapi juga kepada pembangunan pelajar yang menyeluruh melalui pengalaman pembelajaran yang praktikal dan berimpak.

Dengan kedudukan yang semakin kukuh dalam QS Asia University Rankings, Taylor's University kini menjadi pemimpin dalam pendidikan tinggi di Asia, meneruskan tradisi kecemerlangan dan inovasi untuk masa depan.